

“**ALERT**”: Sebanyak 344 bahan terbitan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang merangkumi 255 bahan bacaan berbentuk buku, majalah dan laporan manakala 89 bahan adalah berbentuk VCD & CD berkaitan seni budaya.

LAMAN DIGITAL LONJAK JUALAN BAHAN TERBITAN JKKN

KUALA LUMPUR, 07 November 2022 – Kepelbagaian bahan bacaan memainkan peranan penting dalam memupuk kecintaan dan penghayatan terutamanya sekali dalam bidang seni dan budaya. Atas kesedaran inilah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) mengambil inisiatif untuk menerbitkan bahan-bahan bacaan sama ada berbentuk ilmiah atau pun bacaan umum, yang berperanan sebagai wadah sokongan penyampaian maklumat dan sebagai salah satu usaha merealisasikan matlamat penyemarakan dan pemeliharaan seni budaya kepada masyarakat, sekaligus menjadikan bahan penerbitan JKKN sebagai salah satu cabang utama dalam mempromosikan seni dan budaya.

Selari dengan perkembangan dunia digital terkini, bahan penerbitan JKKN juga turut dimuatnaik secara dalam talian yang berbentuk e-book dan ianya boleh diakses melalui laman web www.jkkn.gov.my, <https://issuu.com/jkkn.gov> atau <http://neuarkib.jkkn.gov.my/>

“JKKN akan terus berusaha memperbanyakkan terbitan bahan-bahan berkaitan seni dan budaya bagi memenuhi keperluan masyarakat khususnya kepada pecinta seni budaya. Semoga dengan penerbitan bahan bacaan seni budaya JKKN ini, sedikit sebanyak dapat mempertingkatkan pendokumentasian bahan seni budaya di Malaysia sekaligus membantu memperkayakan pengetahuan kebudayaan dan kesenian dalam kalangan masyarakat”, Kata Tuan Haji Mesran bin Mohd Yusop dalam kenyataan hari ini.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu www.jkkn.gov.my ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan

@mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	--